

- 1 Ilmu ekonomi merupakan satu bidang sains sosial yang mengkaji cara manusia
- A menghasilkan keluaran dengan faktor pengeluaran secara maksimum
 - B menggunakan pendapatan bagi meningkatkan tabungan pada masa depan
 - C mengurangkan jurang perbezaan antara golongan kaya dengan golongan miskin
 - D mengurus sumber ekonomi yang terhad bagi memenuhi kehendak yang tidak terhad
- 2 Apakah tujuan firma membuat pilihan apabila mengeluarkan sesuatu keluaran?
- A Memenuhi kehendak pengguna
 - B Meminimumkan kos pengeluaran
 - C Mengurangkan masalah pembaziran
 - D Memaksimumkan kepuasan pengguna

3 Gambar 1 menunjukkan Encik Ali seorang pengusaha kopi.



Gambar 1

Pernyataan manakah yang betul tentang Encik Ali.

- A Mendapat gaji bulanan kerana kebijaksanaan menguruskan sebuah syarikat
 - B Menerima ganjaran atas sumbangan tenaga fizikal dalam pengeluaran
 - C Menggabungkan pelbagai input untuk menghasilkan sejumlah output
 - D Membekalkan pelbagai sumber ekonomi dalam kegiatan firma
- 4 Jadual 1 menunjukkan pilihan teknik pengeluaran Syarikat X.

Keluaran (unit)	Intensif buruh	Intensif modal
Baju	100	60
Seluar	60	100


Jadual 1

Apakah kos lepas yang dihadapi oleh Syarikat X sekiranya teknik intensif modal digunakan?

- A 40 unit baju
- B 60 unit baju
- C 100 unit seluar
- D 160 unit seluar

- 5 Syarikat Reza Sdn Bhd mempunyai pekerja seramai 10 orang telah mengeluarkan 1000 laka kering setiap hari.
Apakah masalah asas ekonomi yang belum diselesaikan oleh syarikat tersebut?
- A Apa hendak dikeluarkan
 - B Berapa hendak dikeluarkan
 - C Bagaimana hendak dikeluarkan
 - D Untuk siapa hendak dikeluarkan
- 6 Apakah kelemahan yang wujud dalam sistem ekonomi kapitalis?
- A Pasaran dimonopoli oleh korporat besar
 - B Agihan pendapatan lebih setara
 - C Wujud pilihan dalam ekonomi
 - D Individu tidak memiliki harta
- 7 Bagaimanakah kerajaan menyelesaikan masalah apa yang hendak dikeluarkan di negara Malaysia?
- A Mengawal harga barang
 - B Mengeluarkan barang awam
 - C Menghadkan pengeluaran lesen perniagaan
 - D Menggalakkan penggunaan teknologi moden

- 8 Rajah 1 menunjukkan penawaran suatu barang.




Rajah 1

Pernyataan yang manakah betul tentang rajah tersebut?

- A Menunjukkan pengembangan penawaran
- B Kesan peningkatan dalam teknologi
- C Berlaku pertambahan penawaran
- D Peruntukan subsidi meningkat

- 9 Rajah 2 menunjukkan ketidakseimbangan pasaran.



Rajah 2

Kawasan berlorek menunjukkan keadaan ketidakseimbangan pasaran. Apakah reaksi pengguna terhadap pasaran sekiranya situasi ketidakseimbangan itu berlaku?

- A Menambah penawaran
- B Menambah permintaan
- C Mengekalkan penawaran
- D Mengurangkan permintaan

10 Jadual 2 menunjukkan hubungan antara tingkat harga dengan kuantiti ayam diminta.

Harga (RM)	Kuantiti Ayam Diminta (kg)
6	30
9	20
12	10

Jadual 2

Jika harga meningkat daripada RM6 kepada RM12, berapakah nilai keanjalan harga permintaan?

- A 0.50
- B 0.67
- C 1.33
- D 1.50

- 11 Jadual 3 menunjukkan peratus perubahan harga dan peratus perubahan kuantiti diminta bagi dua jenis barang.

Jenis Barang	Peratus Perubahan Harga	Peratus Perubahan Kuantiti
R	12	6
S	6	18


Jadual 3

Pernyataan manakah yang betul tentang maklumat tersebut?

- A Contoh barang S ialah kelapa sawit
 - B Jenis keanjalan barang R ialah anjal
 - C Pengeluar perlu menurunkan harga barang S untuk memaksimumkan hasil
 - D Apabila harga barang R naik sebanyak 2%, kuantiti diminta turun sebanyak 10%
- 12 Apakah faktor yang mempengaruhi keanjalan harga permintaan suatu barang?
- A Jenis barangan
 - B Tambahan kos
 - C Mobiliti faktor pengeluaran
 - D Ketersediaan stok dan inventori



- 13 Rajah 3 di bawah menunjukkan keluk permintaan individu A (D_A) dan B (D_B) terhadap suatu barang.



Rajah 3

Jadual manakah yang menunjukkan permintaan pasaran bagi barang tersebut.

A

Harga (RM)	Kuantiti diminta (unit)
4	40
8	28

B

Harga (RM)	Kuantiti diminta (unit)
4	20
8	11

C

Harga (RM)	Kuantiti diminta (unit)
4	40
8	22

D

Harga (RM)	Kuantiti diminta (unit)
4	20
8	10



- 14** Antara berikut, manakah yang berkaitan dengan fungsi bank pusat?
- A Mengeluarkan mata wang asing
 - B Mengawal kestabilan nilai mata wang
 - C Memberi pinjaman kepada orang ramai
 - D Menyediakan kemudahan overdraf kepada bank perdagangan
- 15** Situasi manakah yang menunjukkan fungsi wang sebagai alat bayaran tertunda?
- A Jimmy membeli komputer secara tunai
 - B Telefon pintar jenama Pantaz itu berharga RM 2500
 - C Siti membuat pembayaran kereta RM 550 setiap bulan selama 9 tahun
 - D Setiap kali menerima upah menjahit, Noni memasukkan wang ke dalam bank Maybank Berhad untuk tujuan kecemasan
- 16** Encik Hadi telah mengarahkan pihak Bank Islam untuk memindahkan sejumlah bayaran tertentu daripada akaunnya kepada agensi yang mengeluarkan bil Tenaga Nasional Berhad.
- Apakah kemudahan pembayaran tersebut?
- A Draf bank
 - B Debit langsung
 - C Pindahan kredit
 - D Perintah sedia ada

- 17 Jadual 4 berkaitan dengan pendapatan dan perbelanjaan Encik Afiq untuk setahun.

BUTIRAN	RM
Gaji setahun	45 000
Sewa diterima	9 600
Dividen koperasi	800
KWSP	11%
Caruman PERKESO	350
Zakat	150

Jadual 4

Berapakah pendapatan boleh guna Encik Afiq?

- A RM 40 200
- B RM 41 200
- C RM 48 850
- D RM 49 950

- 18 Gambar 2 berikut menunjukkan input yang digunakan dalam proses pengeluaran barang X.



Gambar 2

Pernyataan manakah yang **betul** berkaitan dengan input tersebut?

- A Tetap wujud walaupun keluaran sifar
 - B Wujud dalam jangka masa panjang sahaja
 - C Kuantitinya berubah mengikut perubahan output
 - D Pembayaran ke atas input dikenali sebagai kos berubah
- 19 Maklumat berikut menunjukkan kos bagi firma Teguh Jaya.

Kos tetap = RM 1350

Kos berubah = RM 850

Kos purata = RM 2.20

Berapakah jumlah output firma tersebut?

- A 386 unit
- B 613 unit
- C 1 000 unit
- D 2 200 unit

20 Pasangan maklumat manakah yang betul?

	Input tetap	Input berubah
A	Berubah secara langsung dengan perubahan output	Tidak berubah mengikut perubahan output
B	Wujud dalam jangka masa pendek sahaja	Wujud dalam jangka masa pendek dan panjang
C	Bayaran ke atas input dikenali sebagai kos berubah	Bayaran ke atas input dikenali sebagai kos tetap
D	Contoh input ialah jurutera binaan	Contoh input ialah insurans kebakaran

21 Pilih faktor yang membantu meningkatkan tahap produktiviti sesebuah organisasi.

- A Gaya kepimpinan pengurusan yang autokratik
- B Penggunaan peralatan dan jentera yang moden
- C Sistem dan prosedur kerja organisasi yang rumit
- D Persekitaran kerja yang bising dan tidak tersusun

- 22 Gambar 3 menunjukkan aktiviti sektor utama.



Gambar 3

Apakah kos sosial daripada aktiviti tersebut?

- A Kualiti tanah meningkat
 - B Peningkatan penyerapan karbon
 - C Kos pemulihan alam sekitar menurun
 - D Gangguan kesihatan dan penyakit berjangkit
- 23 Apakah tujuan kerajaan menetapkan dasar harga minimum sesuatu barang?
- A Menjimatkan perbelanjaan
 - B Melindungi kebajikan pengguna
 - C Meningkatkan keuntungan firma
 - D Memaksimumkan kepuasan pengguna
- 24 Pernyataan manakah yang betul tentang inflasi.
- A Inflasi tolakan kos berlaku pada tingkat guna tenaga penuh
 - B Inflasi sederhana membantu mengurangkan kadar pengangguran
 - C Inflasi tarikan permintaan disebabkan oleh penurunan nilai mata wang
 - D Inflasi melampau menyebabkan pendapatan benar isi rumah meningkat

- 25 Apabila kadar pertumbuhan ekonomi melebihi kadar pertumbuhan penduduk, maka taraf kemakmuran rakyat
- A menurun
- B meningkat
- C tidak berubah
- D tidak dapat ditentukan
- 26 Jadual 5 menunjukkan sebahagian daripada hasil kerajaan.

Hasil Kerajaan	Jumlah (RM juta)
Duti import	2 524
Cukai pendapatan perseorangan	23 055
Cukai pendapatan petroleum	29 753
Cukai jualan	10 068
Duti eksport	1 930
Cukai pendapatan syarikat	58 175
Duti eksais	12 193
Hasil bukan cukai	57 418
Jumlah	195 116

Jadual 5

- Berapakah jumlah hasil cukai tak langsung?
- A RM 26 715 juta
- B RM 84 133 juta
- C RM110 983 juta
- D RM123 176 juta

- 27 Maklumat berikut berkaitan dengan suatu situasi ekonomi.

- Bekalan wang bertambah
- Kuasa beli meningkat

Apakah alat dasar kewangan yang boleh mengatasi masalah tersebut?

- A Menurunkan kadar cukai
 - B Menjual surat jaminan kerajaan
 - C Menurunkan nisbah rizab berkanun
 - D Memanjangkan tempoh bayaran pinjaman
- 28 Gambar 4 merupakan sebuah syarikat yang beroperasi di Malaysia.



Gambar 4

Antara berikut, pernyataan yang manakah berkaitan dengan syarikat tersebut?

- I Syarikat beroperasi di dalam negara sahaja
 - II Tenaga kerja mahir hanya diambil dari Malaysia
 - III Semua cawangan syarikat dikawal oleh firma induk negara asal
 - IV Berlaku pemindahan teknologi antara cawangan di negara yang berbeza
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

29 Situasi yang manakah boleh memperbaiki imbalan pembayaran bagi Malaysia?

- A Kemasukan pelancong Korea bertambah
- B Pelaburan Malaysia di Vietnam meningkat
- C Penggunaan kapal terbang Qatar Airways meningkat
- D Penghantaran pelajar Malaysia ke Indonesia bertambah

30 Manakah yang merupakan komponen dalam akaun semasa?

- I Akaun modal
- II Akaun barangan
- III Akaun kewangan
- IV Akaun pendapatan

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

31 Jadual 6 menunjukkan butiran Akaun Semasa Malaysia pada tahun 2025.

Butiran	RM Juta
Barang	116 167
Perkhidmatan	-19 825
Pendapatan primer	-50 186
Pendapatan sekunder	-18 150

Jadual 6

Pernyataan yang manakah betul?

- A Imbangan akaun semasa mengalami defisit sebanyak RM28 006 juta
- B Kadar pertukaran RM cenderung untuk meningkat
- C Nilai pembayaran RM melebihi penerimaan RM
- D Kadar inflasi dalam negara cenderung menurun

32 Manakah yang merupakan import barang nampak?

- A Barang pertanian
- B Barang pembuatan
- C Barang perantaraan
- D Barang perlombongan

- 33 Antara berikut, mengapakah pertukaran wang asing penting kepada negara?
- I Membiayai eksport
 - II Membayar balik hutang negara
 - III Membuat pelaburan ke luar negara
 - IV Meningkatkan pendapatan negara
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 34 Syarikat X dan Amerika Syarikat membeli buah-buahan yang bernilai USD200 000 dari Malaysia. Berapakah jumlah Ringgit Malaysia yang diperlukan untuk pembayaran tersebut jika USD1 = RM4.10?
- A RM47 619.05
 - B RM48 780.49
 - C RM200 000
 - D RM820 000
- 35 Permintaan terhadap Ringgit Malaysia akan berlaku apabila
- A peningkatan pelancong Malaysia ke Thailand
 - B Malaysia mengimport jentera dari Amerika Syarikat
 - C rakyat Malaysia menggunakan pengangkutan Singapore Airlines
 - D United Kingdom mengimport minyak kelapa sawit dari Malaysia

Soalan 36 sehingga soalan 40 berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual dibawah.

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

- 36

I

Keluk kemungkinan pengeluaran yang cembung menunjukkan kos lepas semakin meningkat.

II

Andaian keluk kemungkinan pengeluaran menyatakan teknologi adalah tetap.
- 37

I

Blok ekonomi ialah sekumpulan negara yang terdiri daripada beberapa buah negara menjaga kepentingan ekonomi bersama-sama.

II

Perjanjian perdagangan ialah persetujuan pemberian subsidi semasa menjalankan urus niaga sesama negara.
- 38

I

Sistem dan prosedur yang efektif tidak mempengaruhi produktiviti

II

Produktiviti meningkat akibat inovasi dalam kaedah pengeluaran
- 39

I

Sekatan perdagangan antarabangsa membantu meningkatkan industri muda

II

Sekatan bukan ekonomi merupakan pemuluan barangan dari negara tertentu
- 40

I

Peningkatan kadar pertukaran asing negara akan menyebabkan nilai eksport negara meningkat

II

Kejatuhan kadar pertukaran Ringgit Malaysia bermakna harga mata wang asing menjadi lebih murah kepada Malaysia.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT